

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(II)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

11. Dalam Nibong Tebal terdapat beberapa tempat yang menarik seperti kelip-kelip, rumah peninggalan zaman dahulu serta kampung-kampung tradisional lama.
- (a) Adakah kerajaan akan menyediakan peruntukan untuk meningkatkan lagi tarikan pelancong datang ke sini?
 - (b) Adakah *homestay* masih wujud? Sila senaraikan semua *homestay* diikuti kawasan dan nombor telefon.

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. (a) Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi tujuan promosi destinasi pelancongan Pulau Pinang yang secara tidak langsung turut merangkumi kawasan Nibong Tebal di mana tarikan yang dipromosikan adalah seperti aktiviti melihat kelip-kelip, Taman Negeri Bukit Panchor dan makanan tempatan. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM330,000 bagi tahun 2020 kepada Taman Negeri Bukit Panchor yang terletak dalam kawasan Nibong Tebal.
- (b) Terdapat 11 kluster Program Pengalaman *Homestay* Malaysia yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) di Negeri Pulau Pinang. Setiap kluster *homestay* mempunyai penyelaras masing-masing yang juga merupakan pengusaha *homestay* di kluster berkenaan.

Senarai kluster Program Pengalaman *Homestay* Malaysia di negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A**SENARAI KLUSTER PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA DI NEGERI PULAU PINANG**

Bil.	Nama Homestay	Kawasan / Daerah	Daerah	Nama Penyelaras	No. Telefon
1.	Homestay Jalan Bharu	Balik Pulau	DBD	Zainol Ahmad	0164618553
2.	Homestay Pulau Betong	Balik Pulau	DBD	Amir Yusoff	0174329148
3.	Homestay Teluk Bahang	Teluk Bahang	DBD	Rozita Omar	0164641237
4.	Homestay Pulau Aman	Pulau Aman	SPS	Sharifah Ishak	0134293524
5.	Homestay Sg Duri	Nibong Tebal	SPS	Abdul Rahman Desa	0124529084
6.	Homestay Sg.Chenaam	Nibong Tebal	SPS	Sandri Asri	0174119474
7.	Homestay Sg.Setar	Nibong Tebal	SPS	Che Rasidah Md.Radzi	0134895636
8.	Homestay Mengkuang Titi	Bukit Mertajam	SPT	Rohaizat Othman	0194127095
9.	Homestay Sg.Semilang	Bukit Mertajam	SPT	Shamsudin Ahmad	0124939770
10.	Homestay Kota Aur	Penaga	SPU	Siti Khairiah Md.Yatim	0192183507
11.	Homestay Lahar Yooi	Lahar Yooi	SPU	Johari Ahmad	0164643616